



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KENYATAAN MEDIA

SHOWCASE SDSI JOHOR MENYASARKAN POTENSI PADANAN PERNIAGAAN BERJUMLAH RM1 JUTA

JOHOR BAHRU, 21 Jun 2024 - *Showcase* Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Wilayah Selatan dan Festival Keusahawanan Maju Johor 2024 menyasarkan potensi padanan perniagaan berjumlah RM1 juta sepanjang 3 hari penganjurannya bermula hari ini, 21 sehingga 23 Jun 2024. Bertempat di Angsana Johor Bahru Mall, Johor, program ini dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor.

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad berkata, kerjasama ini dijangka memberi impak serta manfaat yang lebih besar kepada usahawan-usahawan dan pengunjung khususnya bagi mereka yang ingin mendapatkan informasi terkini mengenai bantuan atau kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan serta agensi-agensi yang berkaitan.

“Program yang akan dirasmikan oleh Menteri KUSKOP, Datuk Ewon Benedick ini akan memberi peluang kepada pengunjung untuk mengenali produk-produk SDSI yang berpotensi dan berkualiti melalui pameran yang diadakan selain turut menyasarkan potensi nilai jualan tunai sebanyak RM75 ribu.

“Uniknya bagi edisi Wilayah Selatan, kita menggabungkan *Showcase* SDSI dan Festival Keusahawanan Maju Johor 2024 untuk menjadikan

ianya lebih meriah dan memberi manfaat kepada masyarakat dan usahawan khususnya di Johor,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan KUSKOP hari ini.

Selain pameran produk-produk SDSI, KUSKOP turut menyediakan pameran agensi-agensi KUSKOP dan negeri bagi perkongsian informasi dan khidmat nasihat keusahawanan termasuk penawaran kemudahan kewangan daripada Institusi Kewangan Konvensional/Islamik, Institusi Kewangan Pembangunan, Organisasi Pembangunan Usahawan, serta syarikat pembiayaan alternatif.

“Program ini turut menganjurkan sesi *pocket talk*/taklimat melibatkan agensi Kerajaan, agensi pembiayaan, maklumat untuk mendapatkan pensijilan halal serta kaedah memasarkan produk secara dalam talian dengan percuma, selain program pemasaran digital di platform TikTok yang diadakan di pentas utama dengan kerjasama Tekun.

Beliau turut menambah, objektif utama Festival Keusahawanan Maju Johor 2024 yang dilaksanakan oleh Perbadanan Usahawan Johor (PUJB) ini bertujuan untuk menyediakan peluang perniagaan dan pertukaran pendapat dalam kalangan usahawan serta pencernaan minda untuk meningkatkan kapasiti dan kualiti produk yang dihasilkan.

“Program ini juga menjadi platform kepada usahawan untuk membawa produk dan perkhidmatan Halal Johor ke satu peringkat yang lebih tinggi dan mewujudkan peluang kepada belia dan usahawan baru untuk belajar prosedur pensijilan halal dan ilmu keusahawanan”

Beliau berharap, pengisian aktiviti-aktiviti yang dirangka ini akan membantu perkembangan industri kecil dan sederhana di Johor, khususnya untuk perusahaan SDSI.

“Secara tidak langsung, dengan penganjuran program seperti ini, penerimaan masyarakat terhadap produk-produk keluaran setempat akan lebih meningkat, sekali gus membantu meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan komuniti setempat.

“KUSKOP juga berharap hubungan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Johor yang telah terjalin ini akan terus berkembang menghasilkan manfaat yang berkekalan kepada rakyat, terutamanya komuniti usahawan di Wilayah Selatan,” katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

21 JUN 2024